

Susulan pekerja butik dirogol

# Bawa alat jadi ‘senjata’

>>Oleh Maiamalina

Mohamed Amin

maiimalina@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Tidak boleh lagi sambil lewa atau leka, sebaliknya wanita dan remaja perempuan hari ini perlu sentiasa membawa alat yang boleh dijadikan bantuan keselamatan atau senjata kecil ke mana saja sebagai pelindung ketika berlaku kecemasan.

Pakar Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, meskipun kaedah itu bukan baru, namun kini ia perlu dijadikan amalan sehari-hari berikutan situasi semasa yang berisiko kepada ancaman jenayah.

“Ia (membawa alat berupa senjata) perlu dibudayakan. Kita tak boleh lagi tunggu ada bahaya, baru nak beringat atau nak kena ada alat yang disimpan jadi senjata. Benda ini harus sentiasa ada, terutama bagi wanita dan remaja perempuan.”

“Bukan bermaksud menyimpannya kerana kita tak lagi boleh bergantung kepada sistem kawalan keselamatan negara...tidak begitu. Bahkan undang-undang negara kita lengkap dan saling memenuhi keperluan.”

“Cuma ia (senjata kecil) perlu kerana keadaan situasi sekarang yang kita sedar tak lagi seperti zaman dulu, di mana kini risiko untuk menjadi mangsa jenayah sentiasa ada,” katanya ketika dihubungi, di sini semalam.



**DR MOHAMMAD SHATAR**  
...situasi sekarang berbeza

Beliau mengulas mengenai beberapa siri jenayah membatikan wanita sekali gus menimbulkan kebimbangan di kalangan kaum Hawa dengan terbaru kes membatikan seorang pekerja butik di Subang Jaya di rogol lelaki yang menyamar sebagai pelanggan.

Dalam kejadian yang dilaporkan akhbar semalam, mangsa berusia 22 tahun bertugas di tingkat tiga sebuah premis menempatkan butik berkenaan, sebelum suspek 30-an berpura-pura ingin membeli pakaian, namun meminta untuk keluar kerana mahu mengeluarkan wang di mesin juruwang automatik.

Bagaimanapun, sekembalinya ke butik berkenaan, suspek terus menarik mangsa ke dalam stor dan mengugut mero gol meskipun mangsa sudah merayu ketika itu.

Dr Mohammad Shatar berkata, cadangan itu beliau utarakan atas kapasiti perlindungan individu kerana menurutnya faktor berlaku jenayah secara umumnya

terbahagi kepada dua perkara iaitu diri penjenayah, manakala kedua disebabkan diri mangsa.

“Penjenayah, dia mungkin ada sebab lain untuk kenapa dia perlu melakukan kegiatan itu, tetapi sebagai mangsa anda boleh membantu kepada pengurangan jenayah dengan ‘berubah’ ke arah lebih baik,” katanya.

Menurutnya, konsep perubahan boleh diterjemahkan dengan mengelak daripada berada di tempat tertentu secara berseorangan terutama kawasan sunyi, selain menjaga batas berpakaian supaya tidak mendorong kepada rangsangan penjenayah.

Katanya, walaupun cara berpakaian tidak boleh dijadikan ukuran kepada suatu kes jenayah, tetapi wanita dan remaja perempuan juga sukar untuk menafikan risiko mereka menjadi mangsa rogol, berbanding lelaki yang terdedah kepada samun, rompak dan ragut.

“Kecenderungan penjenayah untuk mendekati wanita yang seksi berbanding mereka yang berpakaian menutup penuh adalah tinggi kerana akan timbul anggapan wanita begini mudah untuk didekati.”

“Sebab itu, berpakaian juga boleh mendorong selain masyarakat juga perlu kembali kepada kaedah ‘menjaga tepi kain orang’. Bukan untuk keburukan, sebaliknya sebagai memastikan tahap keselamatan wanita dan remaja perempuan kita terbaik,” katanya.